Laporan Kacau Ganggu (Serangga Dan Haiwan)

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	JUMLAH
1.	Nyamuk	Aduan Tindakan	519 519
2.	Lembu	Aduan Tindakan /notis/ tangkapan	8
3.	Lebah/ tebuan	Aduan Tindakan/ tangkapan	92 92
4.	Gagak	Aduan Tindakan/ dimusnahkan	22 22
5.	Tikus	Aduan Tangkapan/ dimusnahkan	109 3,530
6.	Ayam /itik	Aduan Tindakan/notis	20 20
7.	Kucing	Aduan Tindakan/ tangkapan	117 336

UNIT PELESENAN

Laporan Unit Penguatkuasaan Pelesenan Bagi Tahun 2010

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Pemeriksaan ke atas Premis Makanan	1,807
2.	Pemeriksaan ke atas Premis Pusat Kesihatan/Kecantikan	733
3.	Kelulusan Kebenaran Merancang	39
4.	Pemeriksaan Pusat Jagaan Kanak-Kanak	3
5.	Pemeriksaan Pusat Jagaan Orang Tua	20
6.	Pemeriksaan Tadika	20
7.	Pemeriksaan Institusi	16
8.	Pemeriksaan Hotel	2
9.	Operasi yang telah dijalankan	41
10.	Pemeriksaan Lesen Minuman Keras	285

UNIT PENJAJA

Laporan Kompaun Bagi Operasi Unit Penjaja Bagi Tahun 2010

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Petak	110
2.	Gerai	349
3.	Pasar	113
4.	Lain-Lain	119
JUML	AH KESELURUHAN	691

UNIT KAWALAN MUTU MAKANAN

Laporan Pemeriksaan, Penguatkuasaan Dan Siasatan Aduan Unit Kawalan Mutu Makanan Bagi Tahun 2010

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Pemeriksaan Premis Restoran Kantin sekolah Kantin kilang Kantin pejabat kerajaan Dapur hospital Dapur asrama Dapur hotel	590 61 3 7 1 1
2.	Tindakan Penguatkuasaan 2.1 Notis 2.2 Kompaun 2.3 Tindakan mahkamah 2.4 Rampasan	215 580 - 3
3.	Siasatan Aduan Diterima Disiasat Aduan palsu	46 46 -

BAHAGIAN KAWAL SELIA

Laporan Sisa Pepejal Yang Dilupuskan (Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) Dan Kontraktor)

BIL.	TINDAKAN	JUMLAH (TAN)
1.	AFSB	31,722.17
2.	Kontraktor	105,149.43

Laporan Gotong-Royong

BIL.	ANJURAN	JUMLAH
1.	Program Majlis Bandaraya Petaling Jaya	91
2.	Program anjuran pertubuhan/ sekolah	15

BAHAGIAN ALAM SEKITAR/LOCAL AGENDA

Laporan Aktiviti Bahagian Alam Sekitar

BIL.	PROJEK/ AKTIVITI	TARIKH
1.	Kem Kesedaran Alam Sekitar Siri 1/2010	16 - 18/04/10
2.	Kem Kesedaran Alam Sekitar Siri 2/2010	14 - 16/05/10
3.	Kem Kesedaran Alam Sekitar Siri 3/2010	09 - 11/07/10
4.	Kem Kesedaran Alam Sekitar Siri 4/2010	23 - 25/07/10
5.	Pameran Sempena Minggu Alam Sekitar Malaysia 2010	21 - 23/10/10
6.	Eksplorasi Hutan Pendidikan Bukit Gasing Bersama Persatuan Pandu Puteri Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	10/04/10
7.	Eksplorasi Hutan Pendidikan Bukit Gasing Bersama Persatuan Pandu Puteri Negeri Selangor	23/09/10
8.	Bengkel Kaedah Rawatan Pemulihan Tasik-Tasik di Petaling Jaya	04/11/10

Laporan Aktiviti Local Agenda

Pendidikan Kesihatan yang dilaksanakan oleh Unit Pendidikan Kesihatan:

BIL.	LOKASI	JUMLAH PAMERAN PENDIDIKAN	JUMLAH PESERTA YANG TERLIBAT
1.	Persatuan penduduk	28	4,400
2.	Gerai/pusat penjaja	10	2,400
3.	Sekolah	8	1,350
4.	Lain-lain (agensi kerajaan)	4	900
JUM KESE	LAH ELURUHAN	50	9,050

BAHAGIAN KLINIK

Perubatan/Klinikal

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Klinik Kesihatan Kanak- Kanak	582
2.	Klinik Kesihatan Ibu Mengandung	301
3.	Klinik Perancang Keluarga	194
4.	Klinik Kesihatan Pesakit Luar	18,121
5.	Jumlah Cuti Sakit	4,349
6.	Jumlah GL	1,514
7.	Penyakit Berjangkit	40
8.	Suntikan Penjaja	4,497
9.	Klinik Bergerak Taman Sri Manja	212
10.	Klinik Bergerak Kota Damansara	105
11.	Kencing Manis	2,349
12.	Darah Tinggi	4,355
14.	Kad TY2	296
15.	Screening H1N1 di Ibu Pejabat	1,594

مجليسرباندراي ڤـتالييخ جاي MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Penglibatan Kakitangan Bahagian Klinik Sebagai Petugas Perubatan Bagi Program Majlis

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1.	Sukan	17
2.	Senamrobik Bersama Datuk Bandar	3
3.	Perayaan	4
4.	Mesra Rakyat	4
5.	Gotong-royong	1
6.	Gala Laman Budaya	1
7.	Lawatan VIP	1
8.	Kemasyarakatan	2
9.	Seminar/Kempen	5









JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

PENGENALAN

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) dipertanggungjawabkan untuk menjalankan perkhidmatan berikut:

- Meminda Senarai Nilaian MBPJ setiap enam (6) bulan.
- Menilai semula semua pegangan di kawasan MBPJ setiap lima (5) tahun dengan syarat mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri.
- Menyimpan rekod statistik pegangan harta berkadar MBPJ.
- Melaksanakan carian rasmi harta berkadar dengan bayaran RM20.00 satu pegangan.
- Menguruskan penyewaan harta kediaman dan komersial milik Majlis.
- Menerima tempahan rumah rehat untuk pegawai dan kakitangan Majlis.
- Menyewakan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR).
- Memproses permohonan remisi.
- Menilai harta di bawah Caruman Bantuan Kadar.
- Memproses Borang I, pertukaran nama pemilik dan alamat pos pemilik hartanah.
- Mengkaji Bantahan Nilai Tahunan.
- Memproses permohonan penswastaan hartanah.

"STAKEHOLDERS" JPPH

Pelanggan JPPH terdiri daripada:

- Penilaian Cukai Taksiran
 - Pemilik harta di kawasan Petaling Jaya/ pembayar Cukai Taksiran
- Penswastaan, pelaburan, pengurusan harta dan perumahan
 - Penyewa (harta harta milik Majlis iaitu kediaman/komersial)
 - Pemaju (projek pembangunan usaha sama/JV)
 - Pihak dalaman kakitangan Majlis (kemudahan Rumah Rehat Majlis)

AKTA, PERUNDANGAN DAN PIAWAIAN YANG MENGAWAL TUGAS PENILAI

- 1. Akta Kerajaan Tempatan Bahagian 15 Penilaian dan Kadaran dan Seksyen 2, Akta 171.
- 2. Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah Penilai Berdaftar.
- 3. Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663).
- 4. Akta Hak Milik Strata.
- Malaysian Valuation Standards Board of Valuers, Appraisers and Estate Agents.

Fungsi



PENILAIAN DAN KADARAN

- Melaksanakan penilaian untuk menentukan nilai tahunan sama ada buat pertama kalinya ataupun pindaan kepada nilai sedia ada mengikut pasaran semasa ke atas harta kediaman, perindustrian, komersial, tanah kosong, skim perumahan dan harta pegangan khas dalam kawasan Majlis.
- Mempertingkatkan hasil MBPJ dengan menilai harta-harta yang telah dipinda dan skim pembangunan baru di mana Sijil Menduduki Bangunan telah dikeluarkan selaras dengan Bahagian 15, Akta Kerajaan Tempatan 171.
- Melaksanakan kerja-kerja ikhtisas penilai dan bertanggungjawab untuk menilai harta untuk maksud Penilaian Kadaran (Rating Valuation).

مجليسرباندراي ڤتالييخ جاي MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

- Menentukan kaedah-kaedah penilaian Kaedah Kontraktor, Kaedah Pelaburan dan Kaedah Residual serta meluluskan Penilaian Kadaran.
- Menentukan nilai pasaran bagi tanah dan bangunan serta kemajuan lain seperti penilaian umum untuk tanah dan bangunan dan penilaian untuk hartanah khas seperti hotel, hospital, kompleks, hartanah rekreasi, pam minyak dan lain-lain.
- Melaksanakan kerja-kerja siasatan dan ukur periksa ke atas hartanah di kawasan Majlis.
- Melaksanakan kerja-kerja referencing ke atas semua pegangan hartanah di kawasan Majlis setiap lima (5) tahun selaras dengan peruntukan Akta 171.
- Mengesahkan Senarai Nilaian MBPJ semasa setiap enam (6) bulan.
- Melaksanakan aktiviti penilaian semula lima (5) tahun ke atas semua pegangan dalam kawasan Mailis.
- Menerima surat permohonan remisi daripada pemilik harta.
- Memberi pengakuan dan memproses remisi.
- Memperakukan dan mengesahkan remisi yang berjaya dan tidak berjaya.
- Menyediakan Senarai Nilaian MBPJ yang lengkap selaras dengan Akta 171 bagi maksud cukai taksiran.
- Mengemas kini Senarai Nilaian MBPJ dan hartaharta ke dalam sistem dan memasukkan input-input baru.

PENGURUSAN HARTA BENDA

- Menguruskan harta-harta Majlis seperti bangunan pejabat, pangsapuri, kondominium, rumah kedai, kedai dan rumah peranginan.
- Menjamin pulangan dalam bentuk sewaan tanpa tunggakan serta mengutip sewa daripada penyewa aset Majlis dan menjamin harta Majlis terpelihara dari segi kegunaannya ke tahap maksimum agar nilai hartanah sentiasa meningkat.
- Memastikan penyelenggaraan am dilaksanakan dan meliputi kerja-kerja rutin dan bukan rutin bagi harta milik Majlis.
- Mengkaji kadar sewa.

- Menguruskan hal-hal penyewaan, pemasaran dan pengutipan sewa bagi setiap harta milik Majlis serta menyimpan satu senarai penyewa yang lengkap.
- Menyediakan surat-surat serta dokumen perjanjian penyewaan.
- Mengeluarkan notis serta mengambil tindakan ke atas kes-kes tunggakan sewa.
- Menyediakan Laporan Kewangan Pengutipan Sewa setiap bulan untuk Jawatankuasa Kewangan.
- Menyediakan Laporan Pengurusan Harta setiap bulan untuk Jawatankuasa Pembangunan Hartanah dan Penswastaan.
- Mengurus tempahan dan pengurusan rumah peranginan Majlis.
- Mengkordinasikan Perbadanan Pengurusan (Management Corporation) Projek Perumahan Rakyat (PPR) Majlis.
- Mengendalikan urusan penawaran rumah PPR kepada setinggan, mangsa kebakaran dan individuindividu lain yang layak.
- Memproses permohonan perumahan PPR dan urusan pengurangan sewa PPR.
- Menyedia dan mengeluarkan surat tawaran dan surat perjanjian penyewaan serta mengurus kutipan sewa, mengambil tindakan undang-undang ke atas penyewa yang gagal membayar sewa dan membuat pemeriksaan ke atas harta Majlis jika terdapat aduan.
- Menguatkuasakan House Rules dan tindakan pengusiran ke atas pihak yang melanggar perjanjian.
- Mengkoordinasikan kerja penyelenggaraan dari segi pencegahan dan pembaikan melalui aduan kepada Jabatan Teknikal lain (preventive and corrective maintenance).
- Memastikan nilai pelaburan dapat dikekalkan pada tahap minimum iaitu 8.0% bagi harta komersial.
- Menyediakan Laporan Pasaran Hartanah setempat setiap tahun melalui penyelidikan data sewaan dan jual beli hartanah.
- Mempromosikan harta-harta komersial milik Majlis melalui saluran tertentu seperti sektor korporat, agen hartanah berdaftar dan brosur.

PENSWASTAAN, PEMBANGUNAN EKONOMI, PELABURAN, INDUSTRI DAN HAL EHWAL TANAH

Penswastaan

- Memainkan peranan sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Penswastaan, Industri dan Pelaburan.
- Memproses permohonan Penswastaan Hartanah.
- Melaksanakan kajian kemungkinan (feasibility study) dan analisis pelaburan.
- Menjalankan analisis pelaburan dan penilaian harta terhadap harta dan usaha penswastaan projek-projek Majlis bagi menentukan kesesuaian sesuatu projek berpotensi meraih keuntungan.
- Mengkaji setiap cadangan pelaburan untuk projek pembangunan tanah Majlis oleh pihak swasta dengan mengambil kira serta menilai segi viability, cost-benefit, net present value dan internal rate of return (IRR).
- Mengunjurkan pulangan hasil daripada penswastaan hartanah.
- Melaksanakan urusan hak milik Majlis.
- Memastikan semua projek penswastaan hartanah Majlis berjalan lancar dan tiada tanah terbiar.
- Mengkordinasikan projek-projek penswastaan hartanah.
- Melaksanakan kajian ke atas pembangunan semula hartanah Majlis jika perlu.
- Memastikan projek penswastaan mengikut jadual.

Hal-Ehwal Tanah

- Menguruskan permohonan dan pembelian hartanah yang berpontensi di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- Mengendalikan semua urusan hal-ehwal tanah Majlis terutama segi:
 - Mengurus permohonan tanah untuk meningkatkan landbank Majlis.
 - Menentukan surat hak milik teratur.
 - Mengurus permohonan tukar syarat lanjutan pajakan, milikan tanah dan lesen menduduki sementara dari pejabat tanah.

- Menguruskan urusan bayaran cukai tanah dan cukai pintu bagi harta Majlis.
- Memastikan cukai tanah bagi harta Majlis dibayar sebelum 31 Mei setiap tahun.
- Menguruskan urusan insurans hartanah Majlis (polisi insurans kebakaran, plate glass).

Pelaburan dan Industri

- Mengkordinasikan aspek-aspek pelaburan di Petaling Jaya.
- Menyediakan risalah untuk meningkatkan pelaburan di Petaling Jaya.
- Memainkan peranan sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Pelaburan di peringkat Bandaraya Petaling Jaya.
- Mengemaskini jumlah pelaburan yang telah dilaburkan di Petaling Jaya untuk dikemukakan kepada pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- Mengurus urusan:
 - Notis pindaan Seksyen 144 dan Seksyen 141
 - Rekod hartanah berkadar
 - Fail pentadbiran dan fail pegangan berkadar
 - · Rekod kedatangan, cuti dan disiplin
 - Bilik fail/pelan/bilik mesyuarat
 - Carian rasmi/kaunter
 - Belanjawan dan baucar bayaran
 - Pertukaran nama pemilik/Borang I/ Penyata Pemunya
 - Penerimaan, pemprosesan dan pemberitahuan keputusan bantahan
 - Rekod senarai pemilik data pindaan dan penilaian semula
 - Pindaan/pembatalan harta/akaun harta
 - Penyimpanan data/rekod harta
- Memainkan peranan sebagai urusetia kepada:
 - Mesyuarat peringkat jabatan
 - Jawatankuasa Bantahan Nilai Harta

مجليسرباندراي ڤتاليڠ جاي MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

- Menyediakan Laporan Pindaan Senarai Nilaian MBPJ.
- Melaksanakan *MS ISO 9000-2008* Penentuan Nilai Tahunan-Pemantauan.
- Melengkapkan data maklumat hartanah melalui proses notis pindah milik (Borang I).
- Merekod dan mengemas kini data harta baru dan harta pindaan ke dalam sistem komputer Mailis.
- Memastikan senarai data harta adalah terkini dan lengkap.
- Merekod fail dan membuka fail harta baru dan fail pentadbiran.
- Menghantar Penyata Pemunya dan Borang I kepada pemilik harta.
- Mengeluarkan Laporan Pindaan Nilai Tahunan dan laporan-laporan lain yang berkaitan.
- Menyimpan statistik harta.
- Mengurus urusan surat-menyurat am jabatan.
- Merekod secara tepat semua fail hartanah cukai taksiran dan menyimpannya dengan selamat.
- Mengemas kini, menguatkuasa dan membudayakan prinsip kualiti, inovasi dan kreativiti melalui tindakan:
 - Menguatkuasakan ISO 9000-2008
 - Melaksanakan penentuan nilai tahunan dan tindakan pembetulan bagi perkhidmatan teras utama
 - Mengemas kini dan menyediakan Sasaran Kerja Tahunan JPPH
 - Mengkordinasikan Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) (PKPA) Bil. 7/1991)/KIK
 - Mengurus aduan-aduan berkaitan dengan JPPH
 - Melaksanakan program 5S dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan JPPH
 - Menyediakan Laporan Tahunan JPPH
 - Mengemas kini:
 - Key Performance Indicator (KPI) JPPH
 - Penandaarasan (PKPA Bil. 1/1999)
 - Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (PKPA Bil. 8/1991)
 - Sudut Kualiti JPPH
 - Laporan bagi Star Rating dan anugerahanugerah lain

CARUMAN BANTUAN KADAR, PENGURANGAN/ PENGECUALIAN PENYELIDIKAN HARTANAH

- Menilai harta-harta Kerajaan Persekutuan, negeri dan badan berkanun bagi maksud Caruman Bantuan Kadar.
- Memastikan semua harta di bawah CMK dinilai semula mengikut proses tatacara CMK.
- Menjalankan penilaian semula ke atas semua harta di bawah Caruman Bantuan Kadar.
- Menguruskan semua borang Caruman Bantuan Kadar mengikut jadual dan menghubungi agensi kerajaan berkenaan untuk pengesahan caruman setiap tahun.
- Memproses dan memperaku Permohonan Pengurangan dan Pengecualian, Seksyen 134 dan Seksyen 135.
- Menyediakan laporan dan kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke atas semua permohonan yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Bantahan Nilai Harta.
- Mendapatkan maklumat mengenai pasaran hartanah setiap bulan.
- Menganalisis data hartanah.
- Menyediakan Laporan Pasaran Hartanah Setempat setiap tahun melalui penyelidikan data sewaan dan jual beli hartanah.
- Mencadangkan Aras Nilaian semasa dan menyediakan Laporan Aras Nilaian setiap enam (6) bulan.
- Menyediakan Laporan Statistik Harta Berkadar.
- Menilai harta-harta pembangunan bagi tujuan caj pembangunan.
- Menetapkan nilai semasa dan nilai potensi dalam masa dua (2) minggu kes diterima daripada Jabatan Perancangan Pembangunan dengan mengguna pakai dua kaedah penilaian iaitu Kaedah Perbandingan dan Kaedah Residual.
- Menyimpan rekod-rekod harta iaitu data pegangan dan penilaian secara kemas dan teratur.
- Memainkan peranan sebagai Urusetia Mesyuarat bagi Jawatankuasa Bantahan Nilai Harta.

AKTIVITI DAN PRESTASI

Penilaian Dan Kadaran

Pencapaian Dan Status Pindaan Nilai Tahunan Bagi Tahun 2010

BIL.	OBJEKTIF	PENCAPAIAN JABATAN
1.	Menjamin peningkatan 2.5% dalam hasil tahunan cukai taksiran kepada hasil keseluruhan Majlis melalui proses penentuan nilai tahunan di bawah Seksyen 144 (Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)	Hasil keseluruhan 2009: RM167,460,395 Peningkatan Hasil 2010: RM10,000,000 Peningkatan: 6.33%
2.	Memastikan sebarang penilaian yang dibuat ke atas manamana pegangan berkadar yang berubah secara fizikal dan kegunaannya di bawah Seksyen 144, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan mengadakan pindaan terhadap nilai tahunan. Proses pindaan nilai tahunan di bawah Seksyen 144 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dilaksanakan dua (2) kali setahun iaitu dikuatkuasakan untuk tempoh Januari-Jun dan Julai - Disember	Tercapai : Pindaan nilai tahunan dua (2) kali setahun.
3.	Menjamin Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilaian MBPJ Seksyen 144 diberi kepada pemilik pegangan tidak kurang 30 hari dari tarikh notis disampaikan mengenai masa pindaan dibuat	Tercapai : Notis kenyataan diberi kepada pemilik tidak kurang 30 hari dari tarikh kuatkuasa pindaan 1/1/2010 dan 1/7/2010
4.	Memastikan jumlah aduan/bantahan/rayuan berkaitan dengan nilai tahunan tidak melebihi 5.0% daripada jumlah pegangan berkadar di kawasan Petaling Jaya	Peratus bantahan berbanding dengan jumlah harta dipinda: 0.8% Peratus bantahan berbanding dengan jumlah harta keseluruhan: 0.04%
5.	Memastikan bantahan daripada pemilik pegangan diperdengarkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bantahan Nilai Harta setiap dua (2) kali setahun	Tercapai : Mesyuarat Bantahan Penggal Pertama pada 12 November 2009 Mesyuarat Bantahan Penggal Kedua pada 26 Jun 2010
6.	Memastikan keputusan-keputusan bantahan disampaikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pindaan nilai tahunan dikuatkuasakan dan diselaraskan dalam Sistem Penilaian dan Cukai	Tercapai : Penghantaran keputusan bantahan selepas Mesyuarat Penuh (selepas 24 Disember 2009 – Penggal 1) dan (selepas 29 Jun 2010 - Penggal Kedua)
7.	Menyediakan Laporan Ringkasan Pindaan Nilaian dan Laporan Statistik setiap dua (2) kali setahun iaitu Januari-Jun dan Julai- Disember	Tercapai: Mencetak Ringkasan Pindaan Nilaian dan Laporan Statistik bagi setiap penggal

Ringkasan Penilaian Dan Kadaran Bagi Penggal Pertama Januari - Jun 2010

PERKARA	JUMLAH
Kes Harta Dinilai	4,901 pegangan
Pegangan Keseluruhan Petaling Jaya Selepas Pindaan JPPH	206,785 pegangan
JUMLAH HASIL CUKAI KESELURUHAN	RM175,229,469.00 (selepas penurunan cukai RM167 juta)
JUMLAH PENAMBAHAN HASIL CUKAI	RM7,769,074.00

Jumlah Kes Pegangan Berkadar Yang Dinilai Penggal Pertama Januari - Jun 2010

PERKARA	JUMLAH
Kes Harta Baru	4,370
Kes Harta Dipinda Nilai	380
Kes Harta Batal	151
JUMLAH PEGANGAN/KES HARTA DINILAI	4,901

Ringkasan Penilaian Dan Kadaran Bagi Penggal Kedua Julai - Disember 2010

PERKARA	JUMLAH
Kes Harta Dinilai	3,855 pegangan
Pegangan Keseluruhan Petaling Jaya Selepas Pindaan oleh JPPH	209,563 pegangan
JUMLAH HASIL CUKAI KESELURUHAN	RM178,077,190.00
JUMLAH PENAMBAHAN HASIL CUKAI	RM2,847,721.00

Jumlah Kes Pegangan Berkadar Yang Dinilai Penggal Kedua Julai - Disember 2010

PERKARA	JUMLAH
Kes Harta Baru	2,807
Kes Harta Dipinda Nilai	550
Kes Harta Batal	498
JUMLAH PEGANGAN/KES HARTA DINILAI	3,855

Pada tahun 2010, **pindaan nilai tahunan** melibatkan sebanyak 7,177 pegangan (lama dan baru).

Jumlah pegangan berkadar Petaling Jaya selepas pindaan tahun 2010 ialah 209,563 harta berbanding 202,432 pada tahun 2009.

Nilai tahunan pada tahun 2010 telah meningkat kepada RM2,259,491,050.00 berbanding RM2,130,206,482.00 pada tahun 2009.

Cukai taksiran pada tahun 2010 telah meningkat kepada RM178,077,190.00 berbanding RM167,460,395.00 pada tahun 2009.

TAHUN	JUMLAH PEGANGAN	HASIL TAKSIRAN (RM JUTA)
2000	97,992	93.3
2001	100,137	96.6
2002	111,141	106.0
2003	125,011	115.0
2004	143,400	122.0
2005	152,000	129.0
2006	173,563	152.0
2007	187,570	162.0
2008	193,608	167.8
2009	202,432	172.3
2010	209,563	178.0

Pecahan Hasil Cukai Taksiran Mengikut Jenis Pegangan Tahun 2010

JENIS	CUKAI TAKSIRAN (RM JUTA)	PERATUS (%)
Kediaman	42.0	23.48
Kediaman bertingkat	32.6	18.26
Pangsapuri servis	1.4	0.80
Harta khas	42.8	23.97
Industri	21.5	12.04
Perdagangan/komersial	25.4	14.06
Tanah kosong	13.2	7.39

PENDENGARAN BANTAHAN

Pendengaran Bantahan Nilai Tahunan daripada pemilik harta selaras dengan Seksyen 144, Akta 171 seterusnya untuk menguruskan harta-harta berikut: mengesahkan Senarai Nilaian MBPJ bagi tahun 2010 telah dilaksanakan mengikut jadual.

Jawatankuasa Bantahan Nilai Harta telah bersidang pada 12 November 2009 untuk penggal pertama 1/1/2010 dan bersidang pada 26 Jun 2010 untuk penggal kedua 1/7/2010.

Sejumlah 70 bantahan telah diterima pada tahun 2010.

Jumlah bantahan nilaian kurang 5.0% daripada jumlah pegangan Petaling Jaya.

PROSES REMISI

Selain Proses Penilaian, JPPH juga memproses permohonan remisi di bawah Seksyen 162, Akta 171.

Sejumlah 578 permohonan remisi telah diterima pada tahun 2010.

PENGURUSAN HARTA BENDA

Pada tahun 2010, JPPH telah dipertanggungjawabkan

JENIS HARTA	LOKASI	MAKLUMAT TAMBAHAN	
Komersial	Menara MBPJ	Terbahagi pada: * Menara : 180,776 Kp * Plaza : 10,500 Kp Pengurusan Bangunan Diswastakan	
	Rumah Kedai di PJS 6	1 tingkat	
	Kedai/Pejabat Sunway Metro	4 tingkat	
	Subang Square	20 unit	
	Plaza Seri Setia	4 tingkat - 15 unit	
	Kelana Square	15 unit	
Kondominium/ Pangsapuri	Inai Court, Jalan Templer	Servis Apartment : 2 unit (di bawah kawalan Jabatan)	
	Kelana Parkview, SS6	59 unit	
	Menara Jaya	36 unit	
	Pangsapuri Seri Setia	27 unit	
Projek Perumahan	Taman Putra Damai Lembah Subang	3004 unit	
Rakyat	Kota Damansara	1152 unit	
Rumah Rehat	Bayu Beach Resort, Port Dickson Seri Bulan, Port Dickson Bukit Merah Laketown Resort Genting Highlands	4 unit 1 unit 2 unit 1 unit	

PENYEWAAN/PENGHUNIAN

Secara keseluruhannya, kadar pencapaian penyewaan harta milik Majlis adalah baik. Sewaan ruang kedai/pejabat pada amnya stabil dan tidak berubah. Walaubagaimanapun, pasaran hartanah telah dipengaruhi oleh ekonomi secara global dan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi kadar penghunian harta komersial secara amnya.

HARTA KOMERSIAL	KADAR SEWA
Menara MBPJ	RM3.20 sekaki persegi
Kedai Pejabat Sunway Metro	RM1,000-6,000 sebulan
Subang Square	RM1,200 -3,500 sebulan
Plaza Seri Setia	RM750 - 2,200 sebulan
Kelana Square	RM0.80 – 1.00 sekaki persegi









14.	Kelana Square	138,000.00	131,400.00
15.	Plaza Seri Setia	117,000.00	142,800.00
16.	Taman Putra Damai	1,000,000.00	2,033,808.00
17.	Kota Damansara	350,000.00	902,174.00
18.	Pangsapuri Seri Setia	100,000.00	120,000.00
19.	Leisure Commerce Square	0	186,953.40
20.	Tapak BU4, Bandar Utama	48,000.00	48,000.00
JUML	AH KESELURUHAN	5,825,100.00	8,130,288.55

TEMPAHAN DAN KUTIPAN HASIL RUMAH REHAT

BIL.	RUMAH REHAT	JUMLAH KUTIPAN (RM)	
1.	Bayu Beach Resort	9,975.00	
2.	Bukit Merah	3,730.00	
3.	Genting Highland	8,980.00	
4.	Kondominium Seri Bulan	90.00	
JUMLAH TEMPAHAN: 393			
JUML	AH KESELURUHAN	22,775.00	





JABATAN KAWALAN BANGUNAN

PENGENALAN

Jabatan Kawalan Bangunan berperanan mengawal pembangunan dengan sistematik dan memastikan Majlis bebas daripada binaan tanpa kebenaran.

Fungsi

Jabatan Kawalan Bangunan bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi berikut:


- Memproses permohonan dan meluluskan pelanpelan bangunan dan pelan perobohan bangunan yang dikemukakan.
- Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas binaan tanpa kebenaran dan binaan yang melencong daripada pelan yang diluluskan.
- Mengawasi aktiviti-aktiviti pembinaan di tapak bina seperti kehendak sistem Sijil Pematuhan dan Persiapan (CCC).
- Mengawal semua jenis pembinaan bangunan di kawasan Majlis supaya bebas daripada binaan tanpa kebenaran.
- Memproses permohonan dan mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (SKM/CFO) dan Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan (SP).
- Memberi khidmat nasihat berkaitan aktivitiaktiviti kawalan pembangunan di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya kepada pelanggan luaran Majlis.
- Mengadakan aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang melibatkan penduduk Petaling Jaya dan pemaju serta mengadakan seminar-seminar kesedaran bagi memperkenalkan polisi-polisi Jabatan Kawalan Bangunan.

AKTIVITI DAN PRESTASI

KELULUSAN PELAN

- Jumlah permohonan kelulusan Pelan Bangunan:1,178
- Jumlah kelulusan dikeluarkan bagi permohonan memproses pelan bangunan: 1,739
- Jumlah kutipan hasil bayaran proses pelan : RM4.5 juta
- Jumlah kutipan bayaran denda : RM1.7 juta

Pecahan Penerimaan Permohonan Mengikut Kategori



PENGELUARAN SKM/CFO DAN SP

- Jumlah pemberian Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (SKM/CFO) kepada bangunan-bangunan baru : 12
- Jumlah pemberian Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan (SP) kepada ubahsuaian bangunan: 14
- Jumlah Sijil Pematuhan dan Persiapan (CCC) diterima daripada pihak *Principal Submitting Person* (PSP): 126

PENGELUARAN SKM/CFO MENGIKUT KATEGORI (SEMAK)

Tindakan Penguatkuasaan

Tindakan penguatkuasaan ke atas binaan tanpa kebenaran, binaan melencong dari pelan yang diluluskan dan kesalahan di tapak binaan di kawasan Majlis dijalankan berpandukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Tindakan penguatkuasaan diambil berpandukan aduan yang diterima dan laporan lawatan pemantauan binaan oleh Juruteknik. Jabatan Kawalan Bangunan mencatatkan penerimaan aduan sebanyak 471 dan sejumlah 92 (10.0%) aduan telah diselesaikan.



Tindakan Penguatkuasaan Mengikut Notis Dikeluarkan

Operasi meroboh diadakan dengan kerjasama Jabatan-jabatan lain yang berkaitan seperti Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, Jabatan Kejuruteraan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Tenaga Nasional.



PERKHIDMATAN DAN PRESTASI KESELURUHAN 2010

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan mewakili *Majlis ke Konvensyen KIK Ke-23, Peringkat Negeri Selangor* pada 28 Julai 2010 dan berjaya mendapat tempat ke-7.



Kumpulan Navigator diketuai oleh Puan Hjh. Mahlela bt. Tabot dan Puan Hjh. Siti Azurah binti Ghazali selaku Fasilitator

Menjadi tuan rumah Majlis Perhimpunan Kualiti Bulanan Majlis pada 18 Oktober 2010 dengan tema 3R (Recycle, Reuse & Reduce) dan pelancaran Pelan Setara oleh Datuk Bandar.



Majlis Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Pelan Setara oleh Datuk Bandar

JABATAN KAWALAN BANGUNAN

مجليس باندراي ڤـتاليغ جاي MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA





Pameran 3R iaitu barang-barang yang dihasilkan daripada bahan-bahan terbuang

Mengadakan aktiviti *CSR* yang melibatkan penduduk Petaling Jaya dan pemaju seperti Program Menaikkan Taraf Kualiti Hidup Rakyat Petaling Jaya.

Menganjurkan Pertandingan Bangunan Ceria termasuk memberi sokongan dari segi:

 Membeli dan mengedarkan bekalan cat bernilai sebanyak RM1.7 juta kepada JMB/ persatuan penduduk/pemaju yang bekerjasama mengurus dan menyempurnakan kerja-kerja mengecat bangunan mereka sendiri.

- Menganjurkan Pertandingan Ceria Bangunan 2010.
- Menganjurkan Majlis Anugerah Kediaman Idaman pada 24 November 2010.











Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh YB. Puan Haniza binti Mohamed Talha

JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN

PENGENALAN

Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan terdiri daripada tiga (3) Bahagian iaitu:

- Bahagian Sosial, Kebudayaan dan Pelancongan
- Bahagian Pembangunan Sukan dan Kemudahan Am
- Bahagian Sumber Ilmu

BAHAGIAN SOSIAL, KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN

Fungsi

- Mengurus hal-ehwal pentadbiran dan pemantauan program.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan program kebudayaan sepanjang tahun dan memenuhi jemputan mengadakan persembahan daripada agensi kerajaan dan swasta bagi menonjolkan imej Majlis termasuklah memenuhi jemputan

•••••

- persembahan, mengadakan program kebudayaan dan membuat persembahan koir.
- Merancang, menyelaras dan melaksana aktiviti pembangunan sosial melalui program dan aktiviti yang sihat untuk semua peringkat umur bagi membantu meningkatkan potensi diri masyarakat Petaling Jaya. Antara programnya ialah:
 - Program Warga Emas
 - Program Hal-Ehwal Wanita (HEWA)
 - Program Rakan Muda
 - Program Mesra Rakyat
 - Program Kawasan Perumahan Bertingkat
 - Program Mesra Industri
- Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau aktiviti pelancongan.
- Meningkatkan hasil Majlis.

AKTIVITI DAN PRESTASI

Program Pembangunan Sosial 2010

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN	
JANI	JARI				
1.	Kursus Asas Mendaki Tembok Tiruan	9 & 23/01/10	Pusat Rakan Muda, Kompleks Arena PJ	Rakan Muda	
2.	Tazkirah Remaja	9, 10 & 23/01/10	Pusat Rakan Muda, Kompleks Arena PJ	Rakan Muda	
3.	Program Kecergasan	10 & 24/01/10	Pusat Rakan Muda, Kompleks Arena PJ	Rakan Muda	
4.	Karnival Sukan Alamanda	30/11/10	Pusat Rakan Muda, Kompleks Arena PJ	Rakan Muda (Kerjasama UiTM Alamanda)	
FEB	FEBRUARI				
5.	Pementasan Anak Buloh Betong	03 - 05/02/10	Auditorium MBPJ	Kebudayaan (Kerjasama ASWARA)	

مجليسرباندراي ڤتاليڠ جاي MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

6.	Kursus Asas Berkayak	06/02/10	Tasik Kelana Jaya, PJ	Rakan Muda
7.	Pertandingan Muzik Asli MBPJ (Saringan)	17 - 21/02/10	Bilik Syarahan MBPJ	Kebudayaan
8.	Bengkel Jahitan Kreatif	20/02/10	Dewan MBPJ, Sg.Way	HEWA
9.	Program Sahsiah Remaja (Wanita)	21/02/10	Dewan MBPJ, Taman Dato' Harun	HEWA
10.	Pertandingan Muzik Asli MBPJ (Akhir)	22 - 27/02/10	Auditorium MBPJ	Kebudayaan
11.	Program Masyarakat (Kursus Asas Pengurusan Jenazah Siri 1)	28/02/10	Pusat Rakan Muda, Kompleks Arena PJ	Rakan Muda
MAC	;			
12.	Mesra Rakyat	06/03/10	PPR Lembah Subang	Mesra Rakyat
13.	Demonstrasi Masakan (Nasi Briani & Masakan Lain)	07/03/10	Dewan Impian Baiduri, Petaling Jaya	HEWA
14.	Kursus Asas Mendaki Tembok Tiruan	07/03/10	Pusat Rakan Muda, Kompleks Arena PJ	Rakan Muda
15.	Program Kejiranan	14/03/10	PJS 1/35 Petaling Utama	HEWA
16.	Kem Jati Diri (Perkhemahan)	17 - 20/03/10	Hutan Lipur Gunung Senyum, Pahang	Rakan Muda
17.	Program Masyarakat	17 - 20/03/10	Hutan Lipur Gunung Senyum, Pahang	Rakan Muda
18.	Bengkel Seni Jahitan Kreatif	21/03/10	Desa Mentari	HEWA
19.	Gala Laman Budaya 1	27/03/10	Tasik Taman Jaya, PJ	Pelancongan
APR	IL			
20.	Kursus Asas Berkayak	03/04/10	Tasik Kelana Jaya, PJ	Rakan Muda
21.	Sukan X-Games	04/04/10	Pusat Rakan Muda, Arena PJ	Rakan Muda
22.	Motivasi Remaja Wanita	04/04/10	Dewan 2C/6 PJS, PJ	HEWA
23.	Program Motivasi Penduduk / Pelajar	17/04/10	PPR Kota Damansara	PPR
24.	Pertandingan Menembak SUK	17/04/10	Lapang Sasar Subang	Sosial / SUK
25.	Program Kaunseling Pelajar SPM	17/04/10	Dewan Ilmu, Perpustakaan MBPJ	Kaunseling
26.	Program Masyarakat (Ibadah)	18/04/10	Bilik Syarahan MBPJ	Rakan Muda
27.	Lawatan Sambil Belajar ke Kelantan	23 - 25/04/10	Kelantan	HEWA
28.	Program Berkayak - Hari Bumi Hijau	24 - 25/04/10	Tasik Kota Damansara	Jabatan Perancangan Pembangunan / Sosial

MEI				
29.	Bengkel Seni Jahitan Kreatif	08/05/10	Dewan Seksyen 4, PJ	HEWA
30.	Festari 2010	08 - 09/05/10	Auditorium MBPJ	Kebudayaan
31.	Kursus Asas Mendaki Tembok Tiruan	09/05/10	Pusat Rakan Muda, Arena PJ	Rakan Muda
32.	Program Masyarakat (Ibadah)	16/05/10	Bilik Syarahan MBPJ	Rakan Muda
33.	Program Alam Sekitar Bersama Komuniti (Gotong-royong Tanam Pokok)	16/05/10	PPR Kota Damansara	PPR
34.	Program Mesra Rakyat	23/05/10	Padang Medan 32, Taman Medan, PJ	Mesra Rakyat
35.	Bengkel Seni Jahitan Kreatif	29/05/10	Dewan MBPJ, Sg. Way, PJ	HEWA
JUN				
36.	Program Musim Cuti Sekolah	10 & 17/06/10	Pusat Rakan Muda, Arena PJ	Rakan Muda
37.	Bengkel Seni Jahitan Kreatif (AJK HEWA)	12/06/10	Bilik Bunga Mawar, Ibu Pejabat MBPJ	HEWA
38.	Pertandingan Perbarisan Lintas Hormat dan Kawad Formasi	19/06/10	Stadium Kelana Jaya	Pelancongan
39.	Orkestra	21 - 27/06/10	Auditorium MBPJ	Kebudayaan
40.	Kejohanan Bot Laju (Power Boat)	27/06/10	Tasik Kelana Jaya, PJ	Pelancongan (Tourism Selangor)
41.	Pesta Bola World Cup	28/06 -11/07/10	Padang Timur, PJ	Pelancongan (Tourism Selangor)
JUL	ΑΙ			
42.	Mini Forum Perdana	03/07/10	PPR Lembah Subang & Kota Damansara	PPR
43.	Muzikal EXTRAVAGANZA	03 - 18/07/10	Petaling Jaya/Subang Jaya & Shah Alam	Standco Kebudayaan, Standco Belia, MBSA, MBPJ, Tourism Selangor
44.	Program Alam Sekitar Bersama Komuniti - ECO ENZIM Gotong-royong Tanam Pokok	04/07/10	PPR Lembah Subang, PJ	PPR
45.	Program Wataniah (Pertandingan Menembak Raifel M-16)	10/07/10	Lapang Sasar Bukit Jugra, Banting	Wataniah
46.	Pertandingan Idola Kecil (Saringan)	11/07/10	Bilik Syarahan MBPJ	Pelancongan

مجليسرباندراي قتاليغ جاي MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

47.	Pementasan Drama Teater Tari	12 - 18/07/10	Auditorium MBPJ	Kebudayaan
48.	Gala Laman Budaya 2	24/07/10	Tasik Taman Jaya, PJ	Pelancongan
49.	Program Masyarakat (Ibadah) Tazkirah Remaja	25/07/10	Pusat Rakan Muda, Arena PJ	Rakan Muda
50.	Program Cinta Alam Gotong-royong Hutan Simpan Bukit Gasing	25/07/10	Hutan Simpan Bukit Gasing, PJ	Rakan Muda
51.	Kursus Keibubapaan	31/07/10	Kota Damansara	HEWA/PPR
OGC	OS .			
52.	Kursus Asas Mendaki Tembok Tiruan	07/08/10	Pusat Rakan Muda, Arena PJ	Rakan Muda
53.	Pertandingan Sukan Kecergasan	08/08/10	Pusat Rakan Muda, Arena PJ	Rakan Muda
54.	Program PPR "Jalinan Kasih Ramadhan"	18/08/10	PPR Lembah Subang	PPR
55.	Program PPR "Jalinan Kasih Ramadhan"	19/08/10	PPR Kota Damansara	PPR
56.	Program Masyarakat "Sambutan Ramadhan Bersama Anak Yatim - Tautan Kasih Ramadhan"	21/08/10	Pusat Rakan Muda, Arena PJ	Rakan Muda
SEP.	TEMBER			
57.	Pesta Tanglung	25/09/10	Damansara, PJ	Tourism Selangor & MBPJ
58.	Program Masyarakat (Sambutan Aidilfitri Bersama Penghuni OKU)	28/09/10	Rumah Orang Cacat Insaniah, Taman Kanagapuram, PJ	Rakan Muda
ОКТ	OBER			
59.	Mesra Aidilfitri PPR	09/10/10	PPR Kota Damansara	PPR
60.	Mesra Rakyat MBPJ	16/10/10	Padang Permainan, Flat Desa Mentari	Mesra Rakyat
61.	Program Gotong-royong	17/10/10	PPR Kota Damansara	PPR/ Jabatan Kesihatan/ Jabatan Penilaian
62.	Program Mesra Industri - Pertandingan Sukan - Majlis Makan Malam	23/10/10	Pusat Rakan Muda, Arena PJ & Dewan Ilmu, Perpustakaan MBPJ	Mesra Industri

NOV	EMBER			
63.	Kursus Keibubapaan	13/11/10	Seksyen 3, PJ	HEWA
64.	Persembahan Promosi Kebudayaan Malaysia	04 - 15/11/10	Taipei	Kebudayaan
65.	Gala Laman Budaya 2	13/11/10	Tasik Taman Jaya, PJ	Pelancongan
66.	Program Masyarakat (Ceramah Remaja dan Gotong-royong Hutan Simpan Pendidikan Bukit Gasing)	22/11/10	Pusat Rakan Muda Arena PJ & Hutan Simpan Pendidikan Bukit Gasing	Rakan Muda
67.	Program Warga Emas "Jom Sihat, Cergas, Aktif"	25/11/10	Dewan D' Kelana, Kelana Jaya	Warga Emas
DISE	EMBER			
68.	Kejohanan MAKSAK Malaysia - Tarian dan Nyanyian	02 - 06/12/10	Auditorium USM Pulau Pinang	Kebudayaan
69.	Program PPR "Kursus Keibubapaan"	04/12/10	Dewan Blok C, PPR Lembah Subang	PPR
70.	Disemberkusi HEWA (Hi-Tea)	08/12/10	Hotel Singgahsana, PJ	HEWA
71.	Program Kecergasan dan Masyarakat "Karnival Remaja MBPJ & Gotong- royong Rumah Kebajikan Insaniah"	19/12/10	Pusat Rakan Muda, Arena PJ	Rakan Muda
72.	Program HEWA "Sukaneka Sihat Bersama Teman-Teman"	19/12/10	PJS 3, Taman Sri Manja, PJ	PPR
73.	Kem Jati Diri (Perkhemahan Rakan Muda)	21 - 23/12/10	Kem MSN, Saujana Asahan, Melaka	Rakan Muda
74.	Sambutan Krismas Peringkat Negeri	25/12/10	Petaling Jaya	Tourism Selang

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN DAN KEMUDAHAN AM

Fungsi

- Merancang, menyelaras dan menganjurkan program-program pembangunan sukan untuk golongan remaja seperti bola sepak, tenis, sepak takraw, badminton, olahraga, hoki, lumba basikal, futsal, bola keranjang, bola jaring dan skuasy.
- Mempromosikan gaya hidup sihat melalui penganjuran program untuk masyarakat seperti:
 - PJ Half Marathon
 - Senamrobik Bersama Datuk Bandar
 - Goalball Piala Datuk Bandar

- Karnival Paralimpik
- Kejohanan Skuasy Terbuka Petaling Jaya
- Menguruskan penggunaan dewan, balai raya dan kompleks sukan untuk kegunaan orang ramai.
- Menguruskan tempahan logistik seperti khemah, kerusi dan meja untuk kegunaan Majlis dan pelanggan.
- Menguruskan jenazah dan pengkebumian di tanah perkuburan dan krematorium Majlis.
- Menyelenggara dan memantau segala aduan kerosakan serta memastikan kebersihan dewan, balai raya dan kompleks sukan terpelihara dengan dengan baik.



AKTIVITI DAN PRESTASI

Program Pembangunan Remaja Tahun 2010

BIL.	SUKAN	JUMLAH LATIHAN	TEMPAT	HARI DAN MASA
1.	Skuasy	96	Kompleks Sukan Astaka	Sabtu (2.00 ptg 5.00 ptg.) Ahad (9.00 pg 12.00 tgh.)
2.	Olahraga	144	Stadium PJ, Kelana Jaya	Selasa (4.00 ptg. – 6.00 ptg.) Khamis (4.00 ptg. – 6.00 ptg.) Sabtu (8.00 pg. – 11 pg.)
3.	Badminton	96	Dewan D'Klana	Sabtu (8.00 pg. – 12.00 tgh.) Ahad (8.00 pg. – 12.00 tgh.)
4.	Hoki	96	Stadium Hoki PJ	Sabtu (2.00 ptg. – 5.00 ptg.) Ahad (8.30 pg. – 11.30 pg.)
5.	Bola sepak	96	Dataran Timur, PJ	Sabtu (4.00 ptg. – 6.00 ptg.) Ahad (8.30 pg. – 10.30 pg.)
6.	Lumba basikal	240	Kompleks Sukan Kelana Jaya & Lembaga Getah Malaysia, Sg. Buloh	Isnin – Jumaat (4.30 ptg. – 6.30 ptg.)
7.	Bola keranjang	48	Kompleks Sukan Bandar Utama	Ahad (8.00 pg. – 10.00 pg.)
8.	Tenis	144	Kompleks Sukan Astaka	Selasa (5.00 ptg. – 9.00 mlm.) Sabtu (5.00 ptg. – 7.00 mlm.) Ahad (8.00 pg. – 10.00 pg.)
9.	Sepak takraw	96	Dewan Serbaguna Jalan 227, PJ	Sabtu (8.00 pg. – 12.00 tgh.) Ahad (8.00 pg. – 12.00 tgh.)
10.	Bola jaring	96	Dewan D'Klana	Sabtu (8.00 pg. – 12.00 tgh.) Ahad (8.00 pg. – 12.00 tgh.)

Kejohanan Yang Disertai MBPJ Bagi Tahun 2010

BIL.	PROGRAM	ANJURAN	TARIKH PROGRAM
1.	CIMB Rising Star National Junior Circuit 2010	CIMB-SRAM	28 - 31/01/10
2.	Kejohanan Bola Jaring Terbuka UKM Bawah 18 tahun	UKM	30 - 31/01/10
3.	Jemputan Karnival Bola sepak Peringkat Umur 8, 10, 12 & 15 Tahun Piala Hicom-Honda Kali ke-4, 2010	Hicom-Honda	27/02/10
4.	Kejohanan Bola Jaring Terbuka KL	DBKL	06 - 07/03/10
5.	Kejohanan Tennis Monthly Medal	MBPJ - Persatuan Tenis Selangor	11/04/10

		T T T T T T T T T T T T T T T T T T T	
6.	Kejohanan Sepak Takraw Karnival Negeri Kedah	Persatuan Sepak Takraw Negeri Kedah	21 - 25/04/10
7.	Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan (MALA) 2010 – Sukan Badminton	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)	03 - 04/04/10
8.	Kejohanan Junior Interteam Tennis League 2010	Persatuan Tenis Selangor	29 - 30/05/10
9.	Kejohanan Bola Jaring Terbuka Belia Malaysia	Majlis Belia Malaysia	15 - 16/05/10
10.	Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan (MALA) 2010 - Sukan Bola Sepak & Bola Jaring)	Majlis Perbandaran Teluk Intan	25 -27/06/10
11.	CIMB National Junior Circuit Grand Final 2010	Persatuan Squash Malaysia	30/07 - 01/08/10
12.	Kejohanan Futsal Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia 2010 (MALA)	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	30 - 31/07/10
13.	Kejohanan Olahraga Terbuka Selangor	Persatuan Olahraga Amateur Selangor	31/07 – 01/08/10
14.	Kejohanan Futsal Padang Jelajah Selangor `Edisi Piala Dunia 2010' (Peringkat Negeri)	SUK - Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS)	10/07/10

Kejohanan Yang Dianjurkan Oleh MBPJ Bagi Tahun 2010

BIL.	PROGRAM	ANJURAN	TARIKH PROGRAM
1.	Program Senamrobik Bersama Datuk Bandar MBPJ	MBPJ	23/01/10
2.	Program Senamrobik Bersama Datuk Bandar MBPJ	MBPJ	20/02/10
3.	Kejohanan 'Malaysia Inline Hockey Tournament 2010'	MBPJ	26 - 27/02/10
4.	Program Gala Laman Budaya dan Senamrobik (Senam Seni) Bersama Datuk Bandar MBPJ	MBPJ	27/03/10
5.	Senamrobik Bersama Datuk Bandar MBPJ	MBPJ	24/04/10
6.	Kejohanan Bola Jaring Terbuka Remaja	MBPJ	April /10
7.	Karnival Paralimpik MBPJ - Majlis Paralimpik Malaysia ke-2 PJ Terbuka 2010	MBPJ	07 - 09/05/10
8.	Program Senamrobik Bersama Datuk Bandar MBPJ	MBPJ	23/05/10
9.	Kejohanan Skuasy Milo All Star 2010	MBPJ	07 - 12/06/10
10.	Kejohanan Bola Jaring Piala Isteri Datuk Bandar	MBPJ	19 - 20/06/10
11.	PJ RC Powerboat	MBPJ	26 - 27/06/10
12.	Program Senamrobik Bersama Datuk Bandar MBPJ	MBPJ	24/07/10
13.	Squash PJ Open	MBPJ	07 - 16/10/10
14.	Sidang Anak Muda Kebangsaan 2010	SUK & MBPJ	20/03/10
15.	Selangor Young Talent Awards 2010	SUK & MBPJ	16/04/10

16.	Kejohanan Futsal Padang Jelajah Selangor `Edisi Piala Dunia 2010' (Peringkat Petaling Jaya)	SUK & MBPJ	12/06/10
17.	Kejohanan Hoki Liga Remaja Kebangsaan 2010	Persekutuan Hoki Malaysia	Mac - Jun/10

BAHAGIAN SUMBER ILMU

Fungsi

- Menyediakan perkhidmatan perpustakaan kepada semua golongan masyarakat di mana bentuk koleksi perpustakaan akan dipelbagaikan sesuai untuk golongan kanak-kanak, dewasa serta mengambil kira golongan suri rumah dan warga emas.
- Memberi kesedaran semasa mengenai perkhidmatan perpustakaan yang ditawarkan melalui pelbagai aktiviti termasuk untuk kanak-kanak dan mengadakan program ke arah gerakan membaca.
